

SINDROM DOWN



01 Apakah Sindrom Down?

Sindrom Down ialah penyakit keturunan disebabkan oleh kromosom tambahan pada kromosom nombor 21 yang terdapat pada seorang kanak-kanak. Tiga salinan kromosom 21 (biasanya hanya dua salinan) terdapat dalam setiap satu sel. Penyakit ini juga dikenali sebagai Trisomy 21. Kanak-kanak yang terlibat lahir dengan ciri-ciri fizikal dan boleh juga mempunyai masalah-masalah kesihatan yang berkaitan dengannya.

Nota:

- Sindrom bermakna kehadiran sekumpulan gejala dan tanda yang boleh menunjukkan kepada sesuatu penyakit.
- Sindrom ini mengambil nama seorang doktor Inggeris bernama Dr. Langdon Down, orang pertama yang menjelaskan penyakit ini pada tahun 1866.

02

Apakah kekerapan terjadinya Sindrom Down?

Kadar kejadian keseluruhannya ialah satu pada setiap 800 kelahiran. Risiko menjadi tinggi dengan bertambahnya umur ibu semasa hamil.

Bagaimanakah Sindrom ini disahkan?

Pengesahan penyakit ini dilakukan dengan ujian darah kanak-kanak itu bagi mengesan kehadiran kromosom tambahan kromosom nombor 21. Ujian juga boleh dilakukan semasa kehamilan melalui ujian darah, pemeriksaan ultrasound atau analisis cecair mentuban (amniotic fluid).

03



04 Ciri-ciri fizikal

- Tubuh yang pendek.
- Kepala bersaiz kecil.
- Raut wajah yang rata dengan kedudukan mata sedikit ke atas.
- Lidah terjelir.
- Satu garis lurus di tapak tangan, tangan yang besar, jari tangan yang pendek dan jurang yang besar di antara ibu jari dengan jari kedua kaki.
- Pertumbuhan yang lambat.
- Kecacatan mental yang ringan atau sederhana.



05

Masalah Kesihatan yang berkaitan Sindrom Down dan Rawatan



Pertumbuhan yang lambat, kesukaran untuk belajar dan bertutur

- Kanak-kanak berkeadaan lembik semasa lahir, tumbesaran terbantut di peringkat bayi dan kanak-kanak.
- Lambat atau sukar dalam pembelajaran.
- Lambat dalam pertuturan.



Kecacatan pertumbuhan perut

- Intestinal atresia.
- Tiada dubur – Biasanya kecacatan ini dapat dikesan selepas lahir dan perlu dibedah. Walaupun jarang berlaku, tetapi kadar kejadian ini tinggi berbanding dengan kanak-kanak biasa.



Penyakit jantung kongenital

- Kanak-kanak Sindrom Down biasanya lebih berisiko tinggi untuk dilahirkan dengan penyakit jantung berbanding dengan kanak-kanak biasa.



Mudah mendapat jangkitan

- Pemberian imunisasi boleh diberi mengikut jadual. Bawalah berjumpa dengan doktor segera apabila demam atau nampak kurang sihat.



Masalah pendengaran dan penglihatan

- Saringan dan rawatan perlu dibuat bergantung kepada masalah yang dikesan.



Barah (kanser)

- Leukemia akut lebih mudah berlaku kepada Sindrom Down berbanding kanak-kanak biasa.
- Saringan dan rawatan perlu dibuat bergantung kepada keadaan.



Gangguan fungsi Tiroid

- Pengeluaran hormon yang rendah, hipotiroid. Perlu rawatan penambahan hormon, contohnya tiroxin.
- Pengeluaran hormon yang berlebihan, hipertiroid. Perlu rawatan untuk mengawal pengeluaran hormon.

06

Masalah Kesihatan yang berkaitan Sindrom Down dan Rawatan



07 Pencegahan



- ⊕ **Kaunseling genetik: Risiko untuk mendapat anak berikutnya yang juga Sindrom Down bergantung kepada jenis kecacatan kromosom anak dan umur ibu bapanya.**
- ⊕ **Kadar risiko kejadian berulang adalah 1%.**
- ⊕ **Amalan merancang keluarga.**

08 Pencegahan

- Program intervensi awal.
- Terapi carakerja.
- Terapi pertuturan.
- Pendidikan khas.
- Latihan kemahiran khas.



09 Tujuan Rawatan

Tujuan rawatan pemulihan ialah bagi membantu kanak-kanak tersebut mencapai keupayaan dan perkembangan maksima serta mampu berdikari. Program pemulihan boleh didapati di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau di pusat-pusat anjuran pertubuhan sukarela bukan kerajaan. Maklumat lanjut boleh didapati dari pusat sumber tempatan seperti: hospital (klinik kanak-kanak), klinik kesihatan, Pejabat Kebajikan Masyarakat atau Pejabat Pendidikan (Unit Pendidikan Khas).

Kanak-kanak ini perlu didaftarkan seawal mungkin di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan. Ini bagi memudahkan ia mendapat jagaan kesihatan, kebajikan dan penempatan di sekolah-sekolah khas supaya mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Doktor yang merawat perlu mengisi borang-borang tertentu untuk memudahkan merancang program intervensi awal.

Kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat layak untuk mendapat beberapa keistimewaan rawatan kesihatan dari klinik atau hospital kerajaan.

Sumber



[http://www.myhealth.gov.my/
sindrom-down/](http://www.myhealth.gov.my/sindrom-down/)

Terima Kasih



Perpustakaan Laman Hikmah
"Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan"